

Isu Shahnnon bukti Pas tamak kuasa

BH 18 JUN 2000
Oleh HASSAN OMAR

SIK: Keengganan pucuk pimpinan Pas membenarkan Ahli Parlimen Sik, Datuk Shahnnon Ahmad, meletakkan jawatan memamerkan sifat tamak parti itu untuk berkuasa, bukannya untuk berkhidmat kepada rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang kalah kepada Shahnnon pada pilihan raya umum lalu berkata, pemimpin Pas harus membenarkan Shahnnon meletakkan jawatan berikutan kesihatannya yang tidak mengizinkan.

Menurutnya, sebagai tuan punya diri, Shahnnon memahami tahap kesihatannya yang sering terganggu akibat penyakit lelah sekali gus menyebabkan beliau berhasrat melepaskan jawatan dan keputusannya harus dihormati pucuk pimpinan Pas.

"Sakit.. hanya tuan tujuh yang tahu. Beliau sebagai Sasterawan Negara adalah insan seni. Dia ti-

dak mahu menggunakan politik untuk kepentingan peribadi.

"Pucuk pimpinan Pas hanya fikir bab politik... sudah dapat kerusi, jangan buang tak tentu arah. Pas menang pilihan raya bukan kerana khidmat kepada rakyat tetapi lebih kepada menggunakan agama. Dalam kempen pun, asyik cerita bab masuk syurga," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika diminta mengulas ura-ura Shahnnon mahu meletakkan jawatan ahli Parlimen Sik selepas meletakkan batu asas bangunan Arked Mara, di pekan ini, di sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, jika Shahnnon benar-benar akan meletakkan jawatan tidak lama lagi, Barisan Nasional (BN), terutama Umno sudah bersedia untuk merampas semula kerusi Parlimen berkenaan.

Pada pilihan raya umum 29 November lalu, Dr Abd Hamid tewas kepada Shahnnon dengan kekurangan 478 undi. Bagaimanapun, beliau dilantik sebagai Senator oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membolehkannya memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Abd Hamid yang ditanya sama ada beliau bersedia untuk dicalonkan semula jika pilihan raya kecil Parlimen Sik diadakan, berkata:

"Saya tidak melihat diri saya. Saya meletakkannya kepada pucuk pimpinan

Umno. Perdana Menteri yang berhak membuat keputusan.

"Dalam pilihan rayalalu, kita tewas bukan kerana kita tidak bekerja kuat tetapi arus semasa waktu itu terlalu kuat. Pas tahu kemenangan mereka bukan kerana kekuatan. Mereka mengambil kesempatan, contohnya dalam hal pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pas tidak setuju dengan Anwar tetapi berpura-pura marah supaya orang keliru."

Akhbar kelmarin melaporkan, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata laporan mengenai kenyataan Shahnnon berhasrat untuk meletakkan jawatan adalah permainan media.

Menurutnya, kenyataan itu bukannya kenyataan Shahnnon, sebaliknya adalah kenyataan wartawan terbabit.

Bagaimanapun, Shahnnon yang diminta mengulas lanjut, mengakui beliau memang berniat untuk meletak jawatan berikutan masalah kesihatan.